



مَنْتَرِين قَنْدِيدِيْقَنْ

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENYATAAN MEDIA

**PEPERIKSAAN BRUNEI CAMBRIDGE
GCE 'O', 'AS', 'A' LEVEL DAN IGCSE
SESI OKTOBER/NOVEMBER 2021**





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN MEDIA

**PEPERIKSAAN BRUNEI CAMBRIDGE GCE 'O', AS, 'A' LEVEL DAN IGCSE
SESI OKTOBER/NOVEMBER 2021**

Kementerian Pendidikan, Berakas / Isnin, 27 September 2021 - Dengan nasihat dan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan berterusan memberi perhatian berat kepada kesejahteraan dan keselamatan warga pendidikan khususnya komuniti sekolah terutama sekali di musim-musim peperiksaan.

Memandangkan kadar penularan jangkitan tempatan pada masa ini yang seterusnya belum mengizinkan bagi diadakan peperiksaan bertulis secara bersemuka, Kementerian Pendidikan, seperti yang dimaklumkan sebelum ini akan **mengganti peperiksaan bertulis bagi Brunei Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' Level dan IGCSE sesi Oktober/November 2021 dengan penilaian School Assessed Grades (SAG) seperti yang dipersetujui oleh Cambridge Assessment International Education.**

Ketetapan ini dibuat setelah beberapa pertimbangan serius dan perundingan dengan pelbagai pihak dibuat mengambilkira beberapa hal untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak yang terlibat adalah terjamin dan penilaian yang saksama dapat dilaksanakan mengambilkira dalam situasi di mana terdapat kesukaran untuk menjalankan peperiksaan secara kehadiran fizikal akibat wabak COVID-19. Dalam masa yang sama, pertimbangan juga diberikan untuk memastikan instrumen yang kredibel yang digunapakai di negara-negara yang terjejas oleh wabak COVID-19 sejak tahun 2020.

Dari hasil penelitian dan perundingan bersama badan peperiksaan antarabangsa khususnya pihak *Cambridge Assessment International Education* (CAIE), satu penilaian alternatif akan digunakan bagi membolehkan pelajar-pelajar mendapat kelayakan, termasuk pelajar-pelajar yang menjalani *quarantine order* atau perintah kuarantin iaitu, dengan menggunakan markah *School Assessed Grades* (SAG) yang merangkumi markah penilaian pelajar sepanjang tahun 2021.

Melalui kaedah ini, pihak sekolah akan menyertakan *portfolio* yang mengandungi tiga (3) jenis *substantial work* atau tugas besar bagi setiap subjek. *Substantial work* ini merupakan penilaian tugas-tugas pelajar sepanjang pembelajaran bagi tahun akademik 2021. Ini merangkumi:

- i. Kertas soalan peperiksaan yang lengkap mengikut sukatan mata pelajaran dengan durasi 1 jam atau lebih.
- ii. Kerja-kerja khusus yang lengkap mengikut sukatan mata pelajaran.
- iii. Kombinasi soalan-soalan yang diambil daripada kertas peperiksaan yang terdahulu.
- iv. Kertas soalan Ujian Kelayakan.
- v. *Extended project work* yang diberikan oleh pihak sekolah.
- vi. Tugas yang diberikan seperti esei, *assignments*, *problems* dan *practical*.

Pemilihan penilaian tugas bagi *substantial work* pelajar-pelajar adalah tertakluk kepada ketetapan pihak sekolah-masing-masing.

Untuk memastikan keadilan pemarkahan dapat dilaksanakan - bagi setiap matapelajaran, suatu *benchmark* atau tanda aras akan dikenalpasti oleh badan peperiksaan antarabangsa melalui pusat-pusat peperiksaan yang tertentu dan dikenal pasti. Dengan menggunakan penggredan pusat tersebut sebagai sukat-sukat, perbandingan akan dilaksanakan antara pembahagian atau *distribution* pemarkahan di pusat berkenaan dengan pemarkahan sekolah akan diteliti bagi memastikan tiada pemberian gred yang di luar kebiasaan. Purata pencapaian juga akan diambil oleh badan peperiksaan berdasarkan kepada perbezaan pemarkahan dari tahun November 2019.

Penggredan melalui kaedah SAG akan diselaraskan dengan penggredan melalui peperiksaan secara bersemuka oleh pihak badan peperiksaan antarabangsa semasa November 2019 untuk menghasilkan piawaian (*benchmark*) yang setara dengan piawaian antarabangsa.

Dalam masa yang sama pihak Kementerian Pendidikan akan terus merujuk dan berkonsultasi dengan pihak *Cambridge Assessment International Education* sesuai dengan keperluan yang harus diambil kira dalam situasi wabak COVID-19 dari semasa ke semasa.

Bagi peperiksaan peringkat 'AS' pula, calon sekolah yang telah mendaftar bagi peperiksaan ini pada sesi Oktober/November 2021 ini akan diatitkan untuk menduduki peperiksaan tersebut pada sesi Mei/Jun 2022. Bagi calon persendirian yang akan menduduki peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' Level dan IGCSE sesi Oktober/November 2021, pendaftaran mereka akan ditukar ke sesi Mei/Jun 2022. Walau bagaimanapun, calon persendirian juga dibolehkan

untuk menarik diri sepenuhnya dari peperiksaan Oktober/November 2021 tanpa perlu mendaftarkan semula ke dalam peperiksaan sesi Mei/Jun 2022.

Manakala itu, **Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)** telah dijadualkan semula ke hari Isnin, 15 November 2021 (Ini juga adalah tertakluk kepada perkembangan situasi penularan jangkitan COVID-19 menjelang tarikh itu nanti). *School Progress Examination (SPE)* yang lazimnya dikendalikan di sekolah-sekolah pula adalah digantikan dengan penilaian secara *School Based Assessment (SBA)* yang merangkumi pemarkahan penilaian sepanjang pembelajaran pada Tahun 7 dan Tahun 8. Jumlah markah penilaian bolehlah digunakan oleh pihak sekolah untuk penyaluran pelajar ke Tahun 9 sama ada memasuki *General Programme (4 tahun)*, *General Programme (5 tahun)* ataupun *Applied Programme (5 tahun)*.

Di kesempatan ini, Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga sekolah khususnya guru-guru, ibu-bapa / penjaga di atas kerjasama dalam memastikan sesi penilaian bagi pelajar-pelajar yang menduduki Peperiksaan *Brunei Cambridge GCE 'O', 'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/November 2021 dapat diteruskan dalam format alternatif terutama sekali dalam keadaan negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai peperiksaan-peperiksaan ini, pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan di talian 2380630/2380776 semasa waktu bekerja atau melalui emel exam.dept@moe.gov.bn atau jbtpemperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Pendidikan

Tel.: 238 1301

Fax: 238 0703

Email: feedback@moe.gov.bn

Website: www.moe.gov.bn

Twitter: MoEducation Brunei

Instagram: [moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei)

Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam